

**TEKS UCAPAN
YB DATUK WIRA DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KARNIVAL KREATIVITI &
SAINS4U 2017**

**13 OGOS 2017 (AHAD)
ARENA PETANQUE HANG JEBAT, JAPERUN PANTAI KUNDUR,
KG. GELAM, TG. KLING, MELAKA**

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis,

ALU-ALUAN

Salam Sejahtera, Salam 1MOSTI dan Salam Negaraku Malaysia.

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa penuh kesyukuran kerana dengan izin Allah S.W.T, kita semua dapat berkumpul dalam **Majlis Perasmian Program *Karnival Kreativiti & Sains4U*** bertempat di **Arena Petanque Hang Jebat, JAPERUN Pantai Kundur, Kg. Gelam, Tg. Kling, Melaka.**

2. Saya ingin merakamkan ucapan selamat datang dan terima kasih kepada semua yang hadir bagi memeriahkan lagi sambutan *Karnival Kreativiti & Sains4U* yang berlangsung selama 2 hari dari semalam sehingga ke hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

MENGENAI KARNIVAL KREATIVITI & SAINS4U

3. Program *Karnival Kreativiti & Sains4U* adalah merupakan program tahunan yang telah mula dilaksanakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sejak tahun 2010 lagi. Program ini

menyokong salah satu teras yang digariskan dalam Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) iaitu membudaya serta menggalakkan pembelajaran sains dan teknologi serta inovasi. Ia melibatkan pelbagai peringkat masyarakat dan ianya selari dengan matlamat Model Baru Ekonomi dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

4. Program ini adalah salah satu pendekatan turun padang oleh MOSTI untuk berkongsi ilmu dengan rakyat umumnya dan para pelajar khususnya. Adalah menjadi harapan saya dan juga MOSTI agar program turun padang ini akan dapat menjana minat anda sekalian terhadap sains dan seterusnya berjaya membudaya pemikiran saintifik, kreatif dan inovatif di kalangan kita semua.

5. Untuk makluman para hadirin sekalian, penganjuran Karnival Kreativiti dan Sains4U ini dibuat dengan kerjasama dengan Jabatan dan agensi MOSTI. Ini kerana, setiap Jabatan dan agensi di bawah MOSTI mempunyai tanggungjawab serta peranan yang berbeza. Sehubungan dengan itu, karnival ini juga dapat memberi makluman kepada rakyat Malaysia tentang kepelbagaian fungsi Jabatan dan agensi di bawah MOSTI selain berpeluang untuk menjelaskan kepentingan tugas mereka dalam kehidupan seharian kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

IMPAK/ FAEDAH

6. Pada keseluruhannya, program ini telah mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat Malaysia. Pada tahun yang lalu, sejumlah lebih kurang 24 ribu orang awam yang merangkumi pelajar, guru, belia, NGO serta masyarakat setempat telah berkunjung ke Karnival *Kreativiti & Sains4U* anjuran MOSTI yang telah diadakan di 5 lokasi yang berbeza iaitu di Kuching, Sarawak; Kota Belud dan Tamparuli, Sabah; Kluang, Johor dan berakhir di Melaka.

7. Melihat kepada sambutan yang amat menggalakkan ini, karnival ini diteruskan lagi pada tahun ini dengan menggunakan pendekatan

NBOS melalui kerjasama pintar antara MOSTI dengan pelbagai rakan strategik seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kerajaan Negeri dan sektor swasta bagi merealisasikan pelaksanaan karnival di seluruh negara.

SASARAN DAN PENCAPAIAN

8. Salah satu objektif karnival ini adalah untuk membantu Malaysia bagi mencapai sasaran kekuatan tenaga kerja dengan asas sains dan teknologi (S&T) seramai 1 juta menjelang tahun 2020¹. Antara langkah bagi mencapai hasrat ini adalah dengan memastikan bahawa nisbah pelajar sains berada pada tahap 60% berbanding 40% pelajar dalam jurusan sastera.

9. Tetapi hakikatnya pada hari ini, kita amat jauh sekali dari sasaran tersebut. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Akademi Sains Malaysia, hanya 20% sahaja dari kalangan pelajar di Malaysia mengambil jurusan sains pada masa ini. Ini adalah kerana masih ramai yang beranggapan “*sains itu satu ilmu atau bidang yang sukar*” dan ramai pelajar sekolah tidak berminat untuk mengikuti jurusan sains atas alasan tersebut. Kerajaan amat memandang berat tentang perkara ini dan sedang berusaha keras untuk menambah baik keadaan tersebut.

10. Pelbagai langkah telah dan sedang diambil untuk mencapai matlamat 60% rakyat dan pelajar yang berpengetahuan serta berkemahiran dengan asas sains. Antara aktiviti yang perlu dilaksanakan secara konsisten adalah mendekati masyarakat di pelbagai peringkat dan memperkenalkan apa itu sains, teknologi dan inovasi (STI) dan kepentingan STI dalam kehidupan seharian kita.

11. Adalah menjadi tanggungjawab MOSTI untuk membudayakan sains kepada masyarakat dan mengubah persepsi orang ramai kepada “*sains itu mudah*” serta menjadikan sains sebagai sebahagian daripada kehidupan kita. MOSTI juga mempunyai peranan yang penting dalam

¹ Science Outlook 2015 Executive Summary Academy of Sciences Malaysia 2015 (pg. 14)

merangka kemajuan kerjaya berteraskan STI sebagai pendorong kepada generasi akan datang untuk mengambil bidang *Science, Technology, Engineering and Mathematics* atau STEM. Menyedari akan hakikat ini, MOSTI bersama KPM dan KPT telah menggubal Pelan Tindakan STEM Nasional 2017-2025.

12. Antara bidang fokus yang telah diberi tumpuan dalam Pelan Tindakan ini ialah **Pemupukan Kesedaran, Peningkatan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran, Pengukuhan Infrastruktur dan Fasiliti, Pembudayaan Penyelidikan, Pembangunan Pengkomersialan dan Inovasi (R,D,C&I), Peluasan Peluang Kerjaya, Pengharmonian Data dan Pemerkasaan Kerjasama Strategik.**

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Dalam tempoh 30 tahun dari sekarang, 60 peratus kerja yang anak-anak kita belajar ketika ini, tidak akan wujud lagi. Bidang kerja yang akan wujud ketika itu adalah berdasarkan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI). Kita tiada pilihan melainkan mengutamakan pendidikan *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM) sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran pada masa mendatang.

14. Menjelang pencapaian sebagai sebuah negara maju, peluang pekerjaan baru berteraskan STI akan bertambah. Bidang-bidang ini memerlukan kepakaran yang perlu dibina dan dipupuk dari awal. Sebagai contohnya, nanoteknologi, sains angkasa, bahan termaju dan penjagaan kesihatan serta teknologi berteraskan Revolusi Industri Keempat (disebut juga sebagai Industri 4.0) akan menjadi bidang yang diberi fokus utama. Teknologi dan pendekatan yang menggabungkan dunia digital dan bioteknologi dengan kaedah yang terbaik akan mengubah kehidupan manusia pada masa hadapan.

15. Berdasarkan statistik pada tahun 2011, penyertaan pelajar dalam bidang sains adalah sebanyak 44 peratus dan meningkat kepada 46 peratus pada tahun 2014. Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020 menjangkakan bahawa pada tahun 2020, sebanyak 1.5 juta pekerjaan baharu akan diwujudkan. Dari jumlah tersebut, 60 peratus

atau 900,000 peluang pekerjaan adalah dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Selain itu, *World Economic Forum* (2016) dalam laporannya menyatakan bahawa sebanyak 65 peratus kanak-kanak yang berada di sekolah rendah pada hari ini akan bekerja dalam bidang baharu yang berlandaskan STEM pada masa hadapan apabila mereka melangkah ke zaman pekerjaan kelak.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

16. Dalam mengarus perdanakan STI dan STEM, selain daripada aktiviti yang dinyatakan sebelum ini, aktiviti kemuncak pada tahun ini ialah penganjuran *National Innovation and Creative Economy EXPO 2017* (NICE '17) yang akan berlangsung dari 12 hingga 16 Oktober 2017 dan akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi di *Technology Park Malaysia* (TPM).

17. NICE '17 akan mengetengahkan 10 *Signature Programmes* iaitu (i) *Drone GP*; (ii) *KL Science Fiction*; (iii) Robot Tempur; (iv) *Fun Run for Science*; (v) *CSI Challenge*; (vi) *Science Book Fair*; (vii) *e-Sport*; (viii) *Animation Village*; (ix) Himpunan Teleskop@Planetarium; dan (x) Program TN50. Ianya merupakan Ekspo STI terbesar yang diadakan di negara ini dan dijangka seramai 500 ribu orang akan mengunjunginya.

18. Pada kesempatan ini, sukacita saya menjemput serta mengalu-alukan kehadiran semua rakyat Melaka untuk datang beramai-ramai dan membawa semua ahli keluarga ke Ekspo NICE 2017 dari 12-16 Oktober 2017 di TPM, Pusat Sains Negara (PSN) dan Planetarium Negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

19. Bagi mencapai hasrat ke arah sebuah negara yang maju dan progresif, adalah diharapkan tuan-tuan dan puan-puan dapat membantu usaha murni Kerajaan dengan menggalakkan anak-anak anda untuk memilih jurusan sains di peringkat sekolah menengah dan seterusnya memilih kerjaya serta berkecimpung dalam bidang sains.

20. Pembudayaan STI merupakan misi MOSTI dalam menjadikan STI sebahagian daripada budaya dan cara hidup kepada masyarakat negara ini terutama dalam kalangan remaja dan orang dewasa.

HALA TUJU

21. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, MOSTI mempunyai 27 Jabatan dan agensi termasuk badan berkanun serta GLC dan separuh daripadanya terlibat dalam karnival ini. Sehingga kini, kesemua karnival yang diadakan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Pada tahun ini, karnival ini telah diadakan di Ipoh, Perak; Tuaran, Sabah dan kini di Arena Petanque Hang Jebat, JAPERUN Pantai Kundur, Kg. Gelam, Tg. Kling, Melaka.

22. Saya amat berbangga dan berbesar hati dengan penglibatan pelbagai pihak sama ada sektor awam, organisasi swasta, badan-badan bukan Kerajaan, golongan akar umbi, komuniti mahu pun individu yang telah terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung dalam menjayakan setiap program Karnival Kreativiti & *Sains4U* 2017. Ianya telah dapat mencetuskan pelbagai bentuk inovasi yang merentasi pelbagai bidang serta mempunyai impak ke atas pembangunan sosio-ekonomi negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

PENUTUP

23. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak atas kerjasama dan usaha gigih yang telah diberikan dalam menjayakan karnival ini.

24. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga khususnya kepada Kerajaan Negeri Melaka serta Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Negeri Melaka yang telah banyak membantu serta memberi sokongan sepenuhnya dalam menjayakan karnival ini.

25. Akhir kata, selamat membudayakan sains, teknologi dan inovasi dan semoga kita bertemu dalam program yang lain pada masa hadapan. Justeru, dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan ***Karnival Kreativiti & Sains4U 2017 bagi Zon Selatan di Melaka!***

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.